

KENYATAAN AKHBAR

Ketua Eksekutif CIDB bersara selepas 37 tahun berkhidmat

KUALA LUMPUR, 16 Disember: Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Dato' Sri Prof Ir. Dr. Judin Bin Abd Karim, 60, secara rasminya bersara selepas 37 tahun berkhidmat dalam perkhidmatan awam berkuatkuasa 16 Disember 2015.

Beliau yang bersara wajib kelihatan ceria dan menyifatkan pengalamannya bekerja bersama CIDB selama lima tahun semenjak Ogos 2011 adalah yang terbaik sepanjang kariernya.

“Sepanjang tempoh 37 tahun saya berkhidmat, CIDB memberi saya banyak pengalaman menarik dan saya sangat seronok bekerja bersama-sama pengurusan dan seluruh kakitangan CIDB.

“Jika masa dapat diundur sudah pasti saya akan menerajui CIDB 10 tahun lagi. Masih banyak perancangan yang belum selesai terutamanya menerusi Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP)” katanya ketika berucap sempena Majlis Penghargaan Staf dan Anugerah Kualiti CIDB 2015 di Hotel Seri Pacific di sini hari ini.

Beliau yang mengetip keluar kad perakam waktu bagi kali terakhir pada pukul 12.15 tengah hari tadi kemudiannya bersalam-salaman dengan pengurus-pengurus besar kanan sektor CIDB, pegawai kanan anak-anak syarikat CIDB dan kakitangan lain.

Beliau menyifatkan perkhidmatannya dalam agensi yang bernaung penuh di bawah Kementerian Kerja Raya (KKR) itu sebagai satu perjuangan yang mencabar dan mempunyai tanggungjawab besar kerana perlu memastikan kebajikan semua khususnya pekerja binaan mendapat pembelaan sewajarnya, lebih-lebih lagi apabila menyentuh soal keselamatan di tapak bina.

Judin yang merupakan anak kelahiran Johor Bharu berkata, peranan CIDB kepada industri pembinaan sangat besar dan penting.

Dalam pada itu, beliau turut menasihatkan kepada semua kakitangan CIDB supaya bersatu dan bersama-sama menggembeng tenaga memperkasa industri pembinaan dan memasang niat yang betul dalam setiap pekerjaan yang mereka lakukan.

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada professionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Rakis Santa : rakis@cidb.gov.my 03-4047 6272 / 012-6200 360
Noryani Ismail : noryani@cidb.gov.my 03-4047 7027 / 019-285 6867